

# "Pasang CCTV yang berkualiti" - Musa

S.H 15/01/08 M/s 19

Lokasi yang menempatkan CCTV juga perlu dipandang serius selain ia haruslah berupaya merekod imej dan menyimpan untuk kerja siasatan polis, sekiranya berlaku kes jenayah.

■ NUR FARHANA  
ABD. MANAN

**SUBANG JAYA** - Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan menyarankan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan juga pemilik persendirian yang ingin memasang kamera litar tertutup (CCTV) supaya menggunakan alat-alat itu yang berkualiti tinggi dan juga harganya yang lebih mahal.

Katanya, ini berikutan beberapa kes jenayah yang berlaku gagal dirakamkan kerana CCTV yang dipasang tidak mempunyai resolusi tinggi dan gagal memapar dengan jelas gambar suspek.

"Sekarang ini di tem-

pat-tempat awam banyak mempunyai CCTV tetapi sayangnya sesetengah daripadanya tidak berfungsi ketika kejadian jenayah berlaku, dan apa yang menyedihkan ia langsung tidak dapat mengecam gambar mereka yang terbabit.

"Contohnya kes Nurin Jazlin Jazimin, pihak kami gagal mengesan nombor plat kenderaan yang digunakannya dan juga wajah suspek yang meletakkan mayat kanak-kanak berkenaan di situ," jelasnya ketika mengadakan lawatan ke bilik kawalan CCTV, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), di sini, semalam.

Jelas Musa, kamera video yang merakamkan gambar suspek Nurin ketika itu hanyalah kamera web dengan resolusi yang sangat rendah.

"Apabila gambar cuba difokuskan secara dekat, pikselnya pecah dan usaha untuk melihat gambar suspek secara jelas menemui kegagalan," ujarnya.



Musa dan Shahrizat mendengar taklimat berkaitan CCTV oleh Yang DiPertua MPSJ, Datuk Adnan Md Ikhsan, di sini, semalam.

Menurut Musa selain itu, lokasi bagi menempatkan CCTV juga perlu dipandang serius selain ia haruslah berupaya merekod imej dan menyimpan untuk kerja siasatan polis, sekiranya berlaku kes jenayah.

"Saya turut kesal kerana kejadian rompakan yang berlaku baru-baru ini, di sini gagal mengecam gambar perompak kerana CCTV dipasang di depan kedai tidak berfungsi

si manakala sebuah lagi terletak jauh dari kawasan terbabit.

"Pada masa depan, saya berharap CCTV dapat diletakkan di tempat yang dikenal pasti berlakunya jenayah, dan ia mesti sentiasa dipantau," katanya.

Selain itu Musa turut mengingatkan orang ramai lebih peka dengan keadaan sekeliling dan mengambil tahu apa yang terjadi di persekitaran mereka.

Katanya, fenomena marahkan jiran kerana 'menjaga tepi kain orang' kini perlu dikurangkan untuk kepentingan bersama.

"Zaman sekarang tidak seperti zaman saya kecil dahulu, kalau saya lakukan perkara tidak baik jiran akan melaporkan pada bapa dan saya akan dirotan sehinggalah ia menyebabkan saya takut dengan jiran.

"Ini tidak, jika kita laporkan apa yang tidak baik dibuat anak jiran pasti mereka akan menuduh kita cuba mengambil tahu hal orang dan menimbulkan perselisihan faham pula. Justeru kita mesti mengambil tahu hal yang terjadi sesama kita dan mengeratkan hubungan kejiiran sedia ada," katanya.

Turut hadir dalam lawatan semalam ialah Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Beliau semalam turut memuji MPSJ kerana men-

jadi antara PBT yang mempunyai bilik kawalan CCTV yang canggih dalam negara ini.

Namun katanya, dengan adanya CCTV ini beliau berharap ibu bapa tidak melupakan tanggungjawab mereka untuk pengawasan anak-anak setiap masa.

## ► talian daerah

**SUBANG JAYA, USJ1 TO  
USJ15, PJS 7, 9 11**

ADUN Subang Jaya : Datuk  
Lee Hwa Beng

Email: hwabeng1@  
streamyx.com

Pusat Perkhidmatan:  
17, Jalan USJ 1/6A (Jalan  
Mewah 5/2) 47610 Subang  
Jaya

Waktu Perkhidmatan:  
Selasa 8.30 malam - 10.30  
malam

Telefon: 80236580